

# 2 kilang dilantik sebagai stok penimbal gula putih

Pengeluaran pengilang CSR, MSM atasi kekurangan bekalan di pasaran

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melantik dua kilang sebagai stok penimbal gula putih bertapis bagi mengelak masalah bekalan gula di pasaran pada masa depan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata kilang itu adalah Central Sugar Refinery Sdn Bhd (CSR) dan MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM).

“Bagi pengeluaran kedua-dua syarikat pengilang gula (CSR dan MSM) pula adalah sebanyak 1,500,000 tan setahun, mencukupi untuk kegunaan rakyat dan industri di negara ini”



**Alexander Nanta Linggi,**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna

Katanya, keputusan dibuat selepas negara berdepan isu bekalan gula beberapa kali sejak kebelakangan ini akibat pelbagai faktor seperti penutupan kilang disebabkan jangkitan COVID-19 membabitkan pekerja dan kerosakan mesin boiler.

“Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, penggunaan gula domestik dianggarkan 0.65 kilogram (kg) sebulan per

kapita dan menjadikan jumlah tahunan yang diperlukan dianggarkan 255,450 tan setahun bagi keperluan 32.75 juta rakyat negara ini.

“Bagi pengeluaran kedua-dua syarikat pengilang gula (CSR dan MSM) pula adalah sebanyak 1,500,000 tan setahun, mencukupi untuk kegunaan rakyat dan industri di negara ini,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sehingga kini, laporan mingguan pengeluaran gula yang diterima daripada empat kilang memproses gula menunjukkan trend pengeluaran yang sama.

Bagaimanapun, sebagai langkah proaktif, pihak kementerian merangka strategi bagi memastikan pengeluaran dan bekalan gula dalam pasaran domestik tidak terjejas.

Alexander berkata, selaras Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, CSR dan MSM juga diarahkan untuk melaksanakan stok penimbal berjumlah 53,000 tan bagi gula putih bertapis pada setiap masa. “Ia hanya digunakan apabila berlaku kekurangan bekalan gula di sesuatu kawasan selaras Arahan Pengawal Bekalan.

“Antara mekanisme kawalan stok penimbal pula, kuantiti gula pasir putih bertapis disimpan secara stok terapung pada kadar yang ditetapkan selama 11 hingga 15 hari,” katanya.

Media: Berita Harian

Date: 15 January 2022